

Penggabungan akhbar bina keupayaan: PM

BH- 5/12/2006

Spekulasi ada pihak dapat keuntungan besar patut dihentikan

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Cadangan penggabungan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) dan Utusan Melayu (Malaysia) Bhd (Utusan), dibuat bagi mengembang dan mengukuhkan keupayaan kumpulan syarikat penerbit akhbar itu.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penggabungan dicadangkan itu ialah satu langkah ke arah membina keupayaan dengan mencari pendekatan yang perlu bagi menggabungkan kekuatan.

"Ia ada hubung kait dengan hal kewangan dan perlunya penggunaan

kemudahan yang boleh dikongsi kerana ia menjimatkan kos operasi," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Inovasi Negara (MIN), di sini semalam.

Beliau diminta mengulas sama ada sudah menerima laporan berhubung cadangan penggabungan NSTP dan Utusan daripada pengurusan kedua-dua syarikat berkenaan.

Perdana Menteri menegaskan, butiran terperinci mengenai cadangan dan kaedah penggabungan itu teresah kepada mereka yang terbabit dan setakat ini, beliau belum menerima laporan mengenainya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak supaya tidak membuat

pelbagai dakwaan atau spekulasi kononnya ada pihak mendapat keuntungan besar daripada cadangan penggabungan terbabit.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi lumrah akan ada orang suka dan ada tidak dengan penggabungan itu, tetapi yang pentingnya, ciri akhbar berkaitan patut dikekalkan.

"Saya percaya banyak pandangan daripada orang Melayu dalam hal ini yang berkaitan Utusan. Mereka tidak suka melihat Utusan terkubur dalam usaha penggabungan ini," katanya.

Beliau seterusnya mengingatkan penggabungan NSTP dan Utusan itu tidak seharusnya menyebabkan akhbar Utusan terkubur.

"Bagaimanapun, tentulah penggabungan ini tetap ada pembabitkan pada peringkat editorial, penyuntingan dan pemberitaan yang lazimnya dilaksanakan dalam akhbar masing-masing," katanya.

Beliau juga menegur wartawan supaya jangan membuat spekulasi kononnya Umno selaku pemegang saham terbesar dalam kedua-dua syarikat terbabit akan mengaut keuntungan yang besar.

Ditanya sama ada penggabungan itu menjejaskan kebebasan akhbar, Abdullah berkata, apa yang berlaku hanya penggabungan dua syarikat dan tidak langsung membabitkan isu kebebasan.